

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 13 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L03408
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kerajaan akan mengemukakan bantahan rasmi kepada *World Trade Organisation (WTO)* berhubung cadangan Kesatuan Eropah untuk melarang penggunaan minyak sawit dalam biofuel mulai 2021. Apakah kerjasama yang dijalin Malaysia dan Indonesia untuk menangani perkara berkenaan.

2. PR-1421-L04124
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan pusat asuhan kanak-kanak di seluruh negara dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan anak-anak terjaga di bawah pengasuh yang terlatih.

3. PR-1421-L03754
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dirancang bagi memastikan pendapatan kaum petani, peladang dan nelayan meningkat secara signifikan dalam tempoh sederhana.

4. PR-1421-L03471
Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan keberkesanan mekanisme baharu untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui subsidi petrol RON95 secara bersasar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat luar bandar yang terletak jauh di pedalaman serta berjauhan dari stesen minyak.

5. PR-1421-L03647
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peranan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Adakah Kementerian bercadang untuk mengubahsuai atau menstruktur semula fungsi agensi ini sebagai langkah pemantapan dalam usaha meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanannya.
6. PR-1421-L03927
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam mengawal ruang pertahanan negara kita daripada serangan provokatif negara luar terutama daripada Singapura.
7. PR-1421-L03802
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengubah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, Akta 304 yang mana sangat terkait dengan sisa pembuangan Lynas.
8. PR-1421-L03517
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sudah ada mekanisme baru bagi peminjam PTPTN membayar pinjaman tanpa membebankan mereka seperti yang diumumkan tahun lepas.
9. PR-1421-L02997
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah dibolehkan sekiranya pekerja memohon cuti tanpa rekod untuk membuat ulangkaji dan persiapan bagi pekerja yang sedang mengikuti pengajian untuk mengambil peperiksaan. Sekiranya tidak, apakah pihak Kementerian bercadang untuk memberikan keistimewaan tersebut.
10. PR-1421-L03339
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek Pan Borneo di Sabah. Fasa mana yang telah digantung pelaksanaannya dan setakat ini berapakah peruntukan yang telah digunakan daripada bajet asal bagi Negeri Sabah.

11. PR-1421-L04147
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai jenis biasiswa dan jumlah peruntukan yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi pengajian peringkat ijazah pertama untuk tahun 2018 dan 2019. Senaraikan jumlah mahasiswa yang mendapat manfaat.
12. PR-1421-L03094
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah hospital yang berdepan dengan masalah kepadatan pesakit yang terlalu tinggi dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
13. PR-1421-L02938
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tindakan dan strategi yang akan/atau sedang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur khususnya di Wangsa Maju.
14. PR-1421-L03977
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kajian terperinci telah dilaksanakan sebelum keputusan pemansuhan hukuman mati dicapai dan apakah Kerajaan bersedia mendedahkan kajian tersebut jika ada.
15. PR-1421-L04026
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa pengambilan pekerja asing tidak menjejaskan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.
16. PR-1421-L04067
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan secara terperinci mengapa harga komoditi seperti lada hitam, getah dan sawit telah turun mendadak dan sehingga hari ini kekal ditahap yang amat rendah. Sehubungan dengan itu, jelaskan apa tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ini sebagai strategi menangani masalah yang membebankan kesemua "*stakeholders*" yang terlibat dalam industri utama ini.

17. PR-1421-L04274
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada langkah-langkah akan diambil untuk membuat pindaan atas Peraturan-Peraturan Daftar Pemilih bagi memudahkan rakyat mendaftar sebagai pemilih melalui internet.
18. PR-1421-L03621
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tahap keberkesanan dalam penguatkuasaan kawasan larangan merokok dan adakah wujud perancangan untuk memperluas zon larangan merokok dalam masa terdekat.
19. PR-1421-L03323
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah status terkini Program Food Bank Malaysia sejak dilancarkan pada tahun lalu dan apakah perancangan dan langkah masa depan bagi Program Food Bank Malaysia dalam masa terdekat.
20. PR-1421-L04037
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah projek infrastuktur dan utiliti dan jumlah peruntukan untuk Sarawak bagi tahun 2019. Apakah projek-projek (dengan kos) yang sedang dilaksanakan di Parlimen Kanowit tahun ini.
21. PR-1421-L03491
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah aspek-aspek yang diambil kira oleh pihak Kementerian di dalam merangka Akta Kesaksamaan Gender dan adakah akta ini akan turut mengiktiraf kewujudan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).
22. PR-1421-L02973
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pusat dialisis yang sangat-sangat diperlukan di Pantai Remis, Perak boleh dibina.
23. PR-1421-L03003
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah dasar industri insurans negara berhubung dengan pemegangan saham tempatan masih berkuatkuasa; dan

- (b) mengapakah Syarikat Great Eastern Life Insurance diberikan pengecualian daripada dasar ini.
24. PR-1421-L04291
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Maybank yang dipegang oleh Kerajaan melalui Amanah Raya Berhad telah melulus dan menolak berapa pinjaman perumahan untuk pembeli rumah kos rendah dan mampu milik mengikut pecahan negeri serta sebab-sebab penolakan.
25. PR-1421-L03121
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah rizab negara pada 31 Disember 2018 berbanding jumlah pada bulan Mei 2018 dan apakah trend pertumbuhan atau penyusutan jumlah tersebut menjelang hujung 2019; dan
- (b) apakah jenis hutang negara yang akan dilunaskan melalui Tabung Harapan.
26. PR-1421-L03499
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan produktiviti pekerja di Malaysia.
27. PR-1421-L03969
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab mengapa sebahagian pengiring jemaah haji tidak lagi layak menerima subsidi daripada Tabung Haji.
28. PR-1421-L03893
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan RCI bagi menyiasat dakwaan yang telah didedahkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Hamid Sultan Abu Backer mengenai salah laku hakim-hakim sepertimana yang didedahkan afidavit yang bertarikh 14 Februari 2019.
29. PR-1421-L03864
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skop bidang kuasa Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Reformasi Pilihan Raya dan bilakah laporan lengkap jawatankuasa tersebut dijangka siap.

30. PR-1421-L03169
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana SPRM telah mengesan dan menjalankan pendakwaan amalan rasuah ke atas pegawai dan kakitangan Kerajaan dan agensi Kerajaan selepas PRU 14 dan berapa pula yang terlepas daripada tindakan kerana ketidakcukupan bukti untuk pendakwaan.
31. PR-1421-L04129
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah kem polis di Lanang, Sibu akan dipindahkan ke Sungai Paoh, Sarikei. Berapa besarkah saiz kem yang akan dibina di Sarikei nanti dan bilakah projek tersebut akan bermula dan siap dilaksanakan.
32. PR-1421-L03427
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan penyiasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengenai kes dana RM90 juta yang dimasukkan ke dalam akaun pemimpin-pemimpin parti PAS.
33. PR-1421-L03243
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah untuk meningkat dan menstabilkan liputan telekomunikasi dan internet di kawasan Parlimen Tanjong Manis, terutamanya di kawasan Paloh, Kedang, Berangan dan kawasan utara Pulau Bruit kerana sering menghadapi masalah terputus hubungan.
34. PR-1421-L04168
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes permohonan dari Sarawak yang masih dalam proses untuk mendapat kad pengenalan hijau, kad pengenalan merah dan kad pengenalan biru serta nyatakan sama ada Kementerian dapat menetapkan satu tempoh masa bagi setiap proses permohonan kewarganegaraan serta memberi sebab jika kes permohonan itu gagal supaya ia memudahkan pemohon untuk memohon semula.
35. PR-1421-L03156
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membina semula bangunan Pra Sekolah, Sekolah Kebangsaan Nandagan di Sook yang telah musnah akibat kebakaran tahun lalu.

36. PR-1421-L03827
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan permohonan perkahwinan bawah 18 tahun melalui semua Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil serta mahkamah “*native*” setakat ini serta apakah status perangkaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Seksyen 8) serta Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 (Seksyen 10) untuk menetapkan had umur perkahwinan pada 18 tahun, dan apakah garis masa yang akan diambil untuk penggubalan akta ini.
37. PR-1421-L03774
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan program untuk membantu pekebun-pekebun yang menanam sayur di Sibü. Bagaimana pekebun sayur boleh mendapat bantuan daripada Kementerian atau melalui agensi Kementerian.
38. PR-1421-L02896
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah kelulusan bagi pembinaan Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi di Semenyih, Selangor diberikan dan berapakah jumlah peruntukan keseluruhan untuk sekolah di negeri Selangor dan melibatkan berapa buah sekolah.
39. PR-1421-L03531
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini proses memulangkan syarikat utiliti Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah, dan apakah kekangan bagi menyiapkan proses tersebut dengan kadar segera.
40. PR-1421-L03105
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan ketua balai atau ketua polis daerah yang telah dipindahkan atau ditamatkan jawatan akibat melindungi jenayah judi haram (siber/terbuka) oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JITS) Polis Diraja Malaysia dari Januari 2017 hingga Disember 2018.
41. PR-1421-L03401
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan SOP dalam kawalan hutan simpan kekal daripada teroka haram kerana didapati tindakan kawalan pada kes-kes yang tertentu amat mengecewakan.

42. PR-1421-L03886
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian ke atas isu keselamatan di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat selepas insiden memeras ugut rakyat Malaysia yang membabitkan Tentera Nasional Indonesia (TNI) yang dilaporkan berlaku di Serian, Sarawak baru-baru ini.
43. PR-1421-L03388
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kutipan cukai negara sehingga kini dan kadar hutang yang sudah dilangsaikan oleh Kerajaan baharu.
44. PR-1421-L03580
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesudian Kementerian untuk melaksanakan "*packaging tax*" dan "*Deposit Return Scheme*" yang menggalakkan rakyat kitar semula bahan bungkusan minuman termasuk plastik dan tin aluminium.
45. PR-1421-L04097
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan memandangkan prestasi cemerlang "*Border Scouts Sabah*" dan "*Sarawak Rangers*" pada zaman yang lalu dan masalah keselamatan yang serius di Sabah, adakah Kerajaan bercadang mengaktifkan semula pasukan "*Border Scouts Sabah*" dan "*Sarawak Rangers*" untuk membantu pihak keselamatan persekutuan menjaga keselamatan Sabah dan Sarawak.
46. PR-1421-L04282
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan dan usaha untuk menambah lagi sektor utama dan skop bagi Program Agropreneur Muda untuk tahun 2019.
47. PR-1421-L02959
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah penyelesaian Kementerian untuk menangani masalah kucing dan anjing liar di kawasan perumahan dan apakah undang-undang terhadap penderaan haiwan mencukupi setakat ini.

48. PR-1421-L04085
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah kadar kenaikan pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang dalam tempoh satu tahun dan apakah langkah Kementerian membendung kenaikan kadar ini ; dan
 - (b) berapakah jumlah pusat dialisis Kerajaan dan swasta di seluruh negara.
49. PR-1421-L02958
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menyelesaikan isu kewarganegaraan yang tiada kesudahan agar tidak timbul permasalahan kepada anak-anak dalam mendapatkan hak yang sepatutnya.
50. PR-1421-L03759
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memastikan pilihan raya berlangsung dengan adil dan Menteri tidak menyalahgunakan aset serta peruntukan Kementerian ketika berkempen.
51. PR-1421-L02924
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) statistik penduduk tempatan Sarawak di kalangan suku kaum Iban dan Orang Ulu di daerah Kapit, Belaga dan Tubau yang telah dikeluarkan dengan kad pengenalan berstatus "Penduduk Sementara" atau dengan sijil kelahiran berstatus "Belum Ditentukan" ; dan
 - (b) langkah penyelesaian yang telah atau akan diambil untuk menangani isu taraf kewarganegaraan bagi pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MYKAS) dan sijil kelahiran bertaraf "Belum Ditentukan" untuk penduduk negeri Sarawak yang dikategorikan sebagai penduduk asal / pribumi Sarawak .

52. PR-1421-L03567
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menukar kriteria pemberian biasiswa supaya mempunyai komponen pendapatan isi rumah (*means tested*) dan tidak bersandarkan merit semata-mata.
53. PR-1421-L04105
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan dan langkah untuk mewujudkan pejabat kedutaan Malaysia di Semenanjung Gaza, Palestin dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Palestin.
54. PR-1421-L02912
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah usaha dan langkah yang akan dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani kos sara hidup rakyat.
55. PR-1421-L03027
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pecahan atau peratusan mengikut kegunaan wang yang terkumpul di dalam Baitulmal.
56. PR-1421-L03660
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan melaporkan secara terperinci pelan tindakan serta status terkini pengeluaran sisa radioaktif Lynas "*Water Leach Purification*" dari Malaysia. Adakah proses pengeluaran telah bermula dan apakah dasar-dasar keselamatan yang telah ditetapkan untuk menjamin keselamatan pekerja-pekerja, penduduk tempatan serta alam sekitar.
57. PR-1421-L03674
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan melaksanakan pembinaan blok kelas baru tiga tingkat bagi membolehkan persekolahan di SMK Luar Bandar dijalankan dalam satu sesi.
58. PR-1421-L03563
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memfailkan tuntutan saman atau tindakan undang-undang yang lain di Amerika Syarikat terhadap bank pelaburan Goldman Sachs dan pihak lain bagi mendapatkan semula kerugian yang dialami melalui urus niaga dengan 1Malaysia Development Berhad.

59. PR-1421-L03950
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemalangan yang disebabkan oleh pemandu yang membawa kenderaan dalam keadaan mabuk.
60. PR-1421-L04051
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah spesifikasi model dan pengkhususan teknologi yang diterapkan dalam projek Kereta Nasional 3.0 yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan kelak dan adakah dengan spesifikasi tersebut, Kereta Nasional 3.0 mampu memberi kesan positif jangka panjang kepada alam sekitar dan penggunaan minyak.
61. PR-1421-L03987
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hubungan pihak eksekutif dengan Jabatan Peguam Negara memandangkan emel pekeliling yang dikeluarkan oleh Peguamcara Negara III kepada pegawai-pegawainya merujuk kepada satu mesyuarat Kabinet pada 19 Disember 2018 menyampaikan arahan dari Perdana Menteri iaitu kes jenayah yang difailkan atas individu tertentu perlu dijalankan mengikut jadual dan tidak boleh ditangguhkan.
62. PR-1421-L03318
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk meneliti semula kepentingan dan keperluan Balai Bomba Kelas D di kawasan penduduk P203 Lubok Antu.
63. PR-1421-L03675
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar Beting Patinggi Ali terletak pada jarak 83 batu nautika dari persisiran pantai Sarawak, padahal sempadan Malaysia dalam Zon Ekonomi Eksklusif adalah 200 batu nautika dari persisiran pantai Malaysia. Jarak Beting Patinggi Ali pula dengan negara China ialah 4000 batu nautika. Jika benar, negara Malaysia Baharu yang berdaulat tidak wajar diperkosa kedaulatannya oleh negara asing, mohon diperjelaskan.
64. PR-1421-L03609
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada perkara 153 Perlembagaan Persekutuan harus dipinda agar Orang Asli di Semenanjung Malaysia menikmati hak keistimewaan bersama dengan kaum Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

65. PR-1421-L03286
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah peruntukan bagi menggantikan sistem saluran paip, menaik taraf loji rawatan air, pembangunan sumber air mentah dan membina kolam takungan di Sarawak.
66. PR-1421-L02980
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan segelintir masyarakat pada masa kini meminum minuman keras di merata-rata tempat sehingga kawasan taman permainan kanak-kanak, depan sekolah, bucu di dalam taman menjadi tempat minum atau boleh dikatakan *port* untuk minum. Kejadian ini menyusahkan ramai orang terutamanya golongan perempuan dan mereka berasa tidak selesa. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi dan mengelakkan masalah ini.
67. PR-1421-L03384
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada NGO mahupun badan-badan Kerajaan yang membantu golongan OKU di Kawasan Parlimen Kota Samarahan.
68. PR-1421-L03638
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas Mawar Medical Centre pada 14 Februari 2019 yang lepas.
69. PR-1421-L03446
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menyiapkan pembinaan sekolah-sekolah menggunakan teknologi IBS yang di bawah pengelolaan Kementerian Pendidikan untuk SK Merambut, SK Long Napir dan SK Pengkalan Jawa di Parlimen Limbang.
70. PR-1421-L04224
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan secara terperinci perancangan Kementerian mengenai pembangunan konsep pertanian moden dan berteknologi tinggi dan sejauh mana penerimaannya di kalangan masyarakat petani di Malaysia.

71. PR-1421-L03203
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian memantau sijil-sijil palsu termasuk diploma, ijazah dan lain-lain yang terdapat di dalam negara yang digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan pekerjaan dan setakat ini berapakah jumlahnya yang telah berjaya dikesan.
72. PR-1421-L03847
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakah Kerajaan akan mengadakan banci penduduk dalam masa terdekat; dan
 - (b) berapakah jumlah terkini warganegara Malaysia di Sabah.
73. PR-1421-L04004
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan memperkenalkan Akta Dana dan Pembiayaan Politik bagi menghapuskan politik wang serta memastikan transparansi dalam perolehan kewangan parti politik.
74. PR-1421-L03955
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan untuk pemimpin-pemimpin Kerajaan yang beragama Islam menghadiri dan menyertai majlis sambutan perayaan berasaskan kaum dan agama di negara ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] dan masalah dicadangkan:--**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (12 Mac,2019)

2. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran **Bacaan Kali**
Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah **Yang Kedua**
Persekutuan) (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

3. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang "
Sivil (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

4. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang

kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

5. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan."

[Menteri Belia Dan Sukan]

6. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

7. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan

jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran."

[Menteri Pendidikan]

8. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

10. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajipan buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

11. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilihan Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

12. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP) di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

13. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

14. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui afidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara."

[Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SiTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun

2013. Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan project pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi

peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

19. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

20. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan bagitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kedet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2018</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.122	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.137	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.149	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Bagi Tahun 2017.	13 Mac 2019
ST.150	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Bagi Tahun 2017.	13 Mac 2019
<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.1	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa Dan Pustaka 2017	13 Mac 2019
ST.2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.3	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.8	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah Dan Pengurus Harta (LPPEH) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.9	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.10	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.11	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.12	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.13	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.14	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaya (UM) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.16	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.18	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia (USM) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.20	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.21	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.22	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.23	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.24	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.30	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.32	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.34	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.35	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.36	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
ST.37	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2017	13 Mac 2019
CMD.5	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia Tahun 2017	13 Mac 2019

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 13.03.2019 (Rabu)	1. YB Dato' Sri Dr. Santhara (Segamat)	1. Isu Pemberhentian Pekerja Pembersihan & Pengawal Keselamatan Sekolah	1. YB Menteri Pendidikan
2. 13.03.2019 (Rabu)	2. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	2. Dakwaan wang "Dirompak" dari Akaun Bayaran Balik kutipan GST (GST Refund) milik Perbendaharaan Malaysia	2. YB Menteri Kewangan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**